

### PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

#### Perkara Utama

##### Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksana terhadap sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap jabatan/agensi negeri.
- Pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap perolehan kerja penyenggaraan dan pembaikan di Jabatan Taman Botani Pulau Pinang bagi tahun 2021.

##### Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksana untuk menentukan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan dan berkuat kuasa serta rekod berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

##### Apa yang ditemui Audit?

- **Perolehan Penyenggaraan dan Pembaikan Taman Botani**
  - pecah kecil perolehan perkhidmatan penyenggaraan pokok berjumlah RM95,600.
  - pecah kecil perolehan kerja penyenggaraan dan pembaikan Pavilion berjumlah RM27,272.
  - kod perbelanjaan perkhidmatan dan sewaan dikenakan tidak tepat iaitu OS24000 yang sepatutnya dicajkan ke kod OS28000.

##### Apa yang disyorkan Audit?

- Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan dan memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berhemat, Jabatan Taman Botani Pulau Pinang disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:
  - memastikan perancangan bajet yang teliti dan pemantauan terhadap perbelanjaan yang dilakukan adalah penting bagi mengelakkan berlakunya pecah kecil perolehan dan ketidakpatuhan terhadap pekeliling Kerajaan; dan
  - meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan terhadap pegawai yang terlibat dengan perolehan bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan dan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara.



# PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

## PENGENALAN

1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan Negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan/pejabat dan agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemberosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan wang awam.

2. Pada tahun 2021, sebanyak satu pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap jabatan negeri seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN TAHUN 2021**

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	JABATAN NEGERI
1.	Perolehan Penyenggaraan dan Pembaikan Taman Botani	• Jabatan Taman Botani Pulau Pinang

Sumber: Jabatan Audit Negara

3. Pemilihan tajuk pengauditan dibuat berdasarkan kepada perbelanjaan utama dan kontrak berisiko tinggi yang dilaksanakan oleh jabatan.